

Apresiasi Seni

... menilai kebolehan pelajar ASK



AKADEMI Seni Kebangsaan (ASK) akan menganjurkan Apresiasi Seni '98 dari 10 hingga 23 Mei ini di Auditorium Besar Kompleks Penerangan Pelancongan Malaysia (Matic), Jalan Ampang, Kuala Lumpur.

Menurut Pengarah ASK, Datuk Tengku Alauddin Tengku Majid, program tersebut adalah keperluan penganugerahan diploma kepada pelajar tahun akhir dari teater, muzik, tari dan penulisan kreatif.

"Ia juga bertujuan menilai kebolehan pelajar mempersembahkan karya kreatif dengan mengaplikasikan pengetahuan dan pembelajaran di ASK di samping mendedahkan mereka kepada pengamal dan penggiat industri yang berkaitan," katanya pada sidang akhbar program tersebut di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Menurutnya, sebanyak 29 pelajar akan terlibat dalam program selama 13 hari iaitu sembilan dari Jabatan Seni Muzik dan Teater, tujuh dari Jabatan Penulisan Kreatif dan empat dari Jabatan Seni Tari.

Katanya, persembahan teater meliputi bidang lakonan, pengarahannya dan tatacahaya.

Pada 10 Mei antara 3 petang dan 8.30 malam persembahan *Monolog Ra* lakonan Juhara Ayob, *Azad dan Chun Ali* arahan Noor Aszila Abas dan rekaan lampu oleh Azizul Zahid Jamal.

Lepat Pisang Kopi O diarah oleh Mohd. Shahrul Mizad Ashari dipentaskan pada 11 Mei pukul 8.30 malam,

pada 8.30 malam 15 Mei.

Sementara itu bagi koreografi tari pula empat pelajar akan mengadakan persembahan iaitu Azman Abu Bakar mementaskan *Azman* (11 Mei), Eliza Mustafa *Maya* (12 Mei), Mohd. Shahril Akla *Tik* (13 Mei) dan Abu Bakar Sulaiman *Argin* (14 Mei).

Bagi pelajar muzik pula mereka mengadakan persembahan yang merangkumi alat utama, kedua, komposisi dan gubahan karya asli. Ia melibatkan alat-alat seperti piano moden, piano klasik, flut, akordion, perkusi Barat dan gitar bas. Persembahan akan diadakan pukul 8.30 malam dari 16 hingga 21 Mei.

Pelajar yang terlibat ialah Sufian Faizal

Arshad, Wong Huey Yi, Chong Saw Fan, Raja Iskandar Raja Haliq, Zahratul Ain Sahari, Winnie Freya Abd. Aziz, Thlia Tan Teck Tching, Shireen Jasin Mokhtar dan Jayakumar Balakrisnan.

Pelajar penulisan kreatif pula memilih cerpen, novel dan skrip tv, filem serta pentas sebagai pilihan. Shahrul Azli Mohd. Shukor memilih skrip filem *Napar Mat Galei*, Jaafar Rani skrip drama tv *Bara Dari Setinggalan*, Noraidah Che Mustafa skrip filem *Setaut Kiambang* dan Sabri Mohd. Zin skrip drama tv *Mujahid Melayu*.

Siti Jasmina Ibrahim pula memilih cerpen *Terapi*, Suarnieza Mamat novel *Fahir Tua Di Hujung Senja* dan Md. Yusof Ali kumpulan cerpen *Menangguh Kematian*.